

## Abstrak

### Persepsi Pengurus Pertengahan Sekolah Terhadap Keperluan Latihan: Satu Kajian Kes

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pengurus pertengahan di sekolah terhadap keperluan latihan pengurusan pendidikan. Sampel bagi kajian ini adalah Guru Kanan Mata Pelajaran/Ketua Bidang atau dikenali sebagai pengurus pertengahan di sekolah. Sampel bagi kajian ini adalah kecil iaitu seramai tiga orang sahaja. Mereka ialah Guru Kanan Sains dan Matematik, Guru Kanan Bahasa dan Guru Kanan Vokasional dan Teknik. Sekolah yang di kaji ialah sebuah sekolah menengah gred A. Kaedah yang digunakan bagi kajian ini ialah melalui kaedah penyelidikan dalam bentuk temuramah dan pemerhatian. Satu panduan temuramah disediakan bagi mengumpul data berkaitan persepsi pengurus pertengahan terhadap keperluan latihan. Data dianalisa secara kualitatif bagi diskripsi tentang persepsi keperluan latihan bagi pengurus pertengahan mengenai aspek-aspek pengurusan sekolah dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurus pertengahan terhadap tugas mereka di sekolah. Aspek pengurusan yang dikaji ialah kepimpinan dan pengurusan, komunikasi, hubungan perorangan dan motivasi. Persepsi terhadap peranan baru, pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurus pertengahan juga dilihat dalam kajian ini.

Dapatan kajian menunjukkan pengurus pertengahan mempunyai persepsi yang positif terhadap latihan dalam semua aspek pengurusan pendidikan yang dikaji. Peranan baru sebagai pengurus pertengahan dianggap sebagai mencabar, perlu tanggung-jawab dan komitmen. Pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki ialah tentang kepimpinan dan pengurusan, penyeliaan, komunikasi, hubungan perorangan, dan motivasi. Masalah yang dihadapi oleh pengurus pertengahan ialah kurangnya kuasa kepimpinan, kurang aktiviti bagi jabatan, pengurusan masa dan komunikasi. Kesimpulan dan sedikit cadangan juga dikemukakan dalam kajian ini.

## Abstract

### Perception of School Middle Managers Towards Training Needs: A Case Study

The aim of this research is to look at the perception of school middle managers training needs for education management. The sample for this study are the senior subject teacher or head of department or known as middle managers in school. The sample for this study is small, only three person. They are the senior subject teacher for science and mathematics, language, and vocational and technique. The school for this study is a grade A secondary school. The method used for this study is research method in form of interview and observation. A guided interview schedules was prepared to collect data. Data was analyzed in form of qualitative to determine the training needs of the middle managers regarding some aspect of school management and the problems faced by the middle managers in school. The management aspect which was study are leadership and management, communication, inter personnel skill and motivation . Perception of the new role, skills and knowledge needed and the problems of the middle managers are also studied in this research.

Findings of this study show the middle managers have positive perception towards training needs in education management. The new role as middle managers are challenging, and at the same time need responsibility and commitment. Knowledge and skills needed for the middle managers are leadership and management, supervision, communication, and inter personnel skills. The problems they are facing are less power as a leader, less department activities, time management and communication. A conclusion and some suggestions are forwarded in this study.